

(1)PMT/UU/5/3

3 JAN., 2001

Hakim Mahkamah Sesyen.

Timbalan Pendaftar/Penolong Kanan Pendaftar,
Mahkamah Tinggi Malaya.

Majistret.

Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PER: SENARAI KES-KES DI MANA KEPUTUSAN BELUM
DIBERI WALAUPUN KES TELAH SELESAI DIBICARA**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Saya telah diarahkan oleh Y.A.A. Hakim Besar Malaya untuk memaklumkan bahawa dari pemerhatian Yang Amat Arif didapati sejak kebelakangan ini terdapat sebilangan kecil Y.A. Hakim Mahkamah Tinggi, Hakim Mahkamah Sesyen dan Majistret yang gagal memberi keputusan dalam beberapa kes walaupun kes berkenaan telah lama selesai dibicarakan.

3. Sebagaimana Dato'/Datin/Tuan/Puan sedia maklum, mengikut arahan Y.A.A. Ketua Hakim Negara Bil. 1/1995 sebarang penangguhan untuk keputusan hendaklah tidak melebihi dua minggu daripada tarikh tamat bicara.

4. Sebagai usaha untuk memastikan agar arahan ini dipatuhi, Y.A.A. Hakim Besar Malaya mengarahkan agar satu senarai kes-kes di mana keputusan belum diberi selepas dua minggu perbicaraan tamat disediakan dan dihantar ke pejabat ini tidak lewat dari 8 haribulan setiap bulan mulai dari bulan Januari 2002.

Sekian. Terima kasih.

' BERKHIDMAT UNTUK NEGARA '

Saya yang menurut perintah,


(MOHAMAD ZABIDIN BIN MOHD. DIAH)

Pendaftar
Mahkamah Tinggi Malaya
Kuala Lumpur.

S.k.

Y.A.A. Hakim Besar Malaya,
Mahkamah Persekutuan,
KUALA LUMPUR.

Ketua Pendaftar,
Mahkamah Persekutuan Malaysia,
KUALA LUMPUR.

S.k.

Y.A.A. Hakim Besar Malaya,
Mahkamah Persekutuan,
KUALA LUMPUR.

Ketua Pendaftar,
Mahkamah Persekutuan Malaysia,
KUALA LUMPUR.

Bahagian Penyelidikan,
Mahkamah Persekutuan,
KUALA LUMPUR.